

# Pemiutang telah meninggal dunia

**AN-NUR**

Bersama  
**DR. AHMAD  
IRDHA MOKHTAR**  
rencana@kosmo.com.my



**SOALAN:**


**B**AGAIMANAKAH cara terbaik untuk membayar hutang sedangkan orang yang memberi hutang sudah meninggal dunia?

**JAWAPAN:**

Kita dapati ramai orang berhutang. Disebabkan itu dalam Islam, berhutang bukanlah satu kesalahan sekiranya tidak dikenakan faedah.

Diriwayatkan dalam satu hadis mawquf: Setiap pinjaman yang mendapatkan keuntungan maka, ia adalah riba (hadis daif). Hutang menjadi satu kesalahan jika ia bertukar kepada riba, sama ada keuntungan itu dari sudut material atau faedah.

Begitu juga kepada peminjam yang tidak memulangkan pinjaman menyebabkan ia tersekat daripada masuk ke syurga. Sabda Nabi Muhammad SAW: "Jiwa seorang Mukmin itu akan tergantung kerana hutangnya,



**HUTANG** perlu diselesaikan segera jika seseorang itu mampu. – Gambar hiasan

sehinggalah ia dilangsaikan." (Hadis riwayat Termizi).

Bagi urusan peminjaman, firma Allah bermaksud: "*Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang yang diberi tempoh hingga ke suatu masa yang tertentu maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menulisnya dengan adil (benar) dan janganlah seseorang penulis enggan menulis sebagaimana Allah*

*telah mengajarkannya.*" [Surah Al-Baqarah: 282].

Dalam ayat hutang ini, al-Quran menyarankan supaya urusan berhutang itu perlu ditulis dan direkodkan supaya tidak berlaku kesalahan dan kesilapan pada masa akan datang. Dengan cara ini, ia dapat membantu proses pembayaran hutang dengan lebih efisien.

Proses pembayaran hutang berlaku antara tiga perkara iaitu pemberi hutang, yang berhutang dan sesuatu yang dijadikan hutang. Perkara yang

terakhir ini telah dijelaskan di atas iaitu tidak boleh mendapat keuntungan daripadanya atau dipanggil sebagai riba.

Mereka yang berhutang jika masih hidup, wajib baginya menunaikan dengan segera jika dia mampu. Namun, sekiranya individu tersebut sudah meninggal dunia, maka hartanya yang tinggal perlulah digunakan untuk menjelaskan pembayaran hutang selepas digunakan untuk proses persiapan jenazah.

Hal ini sama juga konsep dengan pemberi hutang sama ada masih hidup atau meninggal dunia.

Dalam hal ini, proses pembayaran hutang kepada yang hidup hendaklah diberikan kepadanya atau diwakilkan kepadanya mengikut syarat-syarat tertentu.

Namun, jika pemberi hutang sudah meninggal dunia, maka pembayaran tersebut perlu diberikan kepada warisnya.

Justeru itu, Islam mengajak kepada peminjam dan pemberi pinjaman menjaga nilai-nilai murni di dalam muamalat ini dan peminjam sewajarnya harus bersegera melunaskan hutangnya dan pemberi pinjaman menjadikannya satu amal soleh.